

## DASAR PRIVASI FUSANG

### 1. PENGENALAN

Fusang Exchange Ltd dan syarikat sekutunya (dirujuk sebagai “Fusang”, “kami” atau “milik kami”) komited untuk melindungi privasi, kerahsiaan, dan keselamatan data peribadi yang berada dalam milikan atau di bawah kawalan kami. Kami beroperasi dengan pematuhan ketat terhadap keperluan undang-undang perlindungan data peribadi termasuk Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 Malaysia (“APDP 2010”) dan Akta Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024 (“APDP 2024”) (secara kolektif dirujuk sebagai “Akta-Akta tersebut”), berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan, pendedahan dan pemprosesan data peribadi.

Dasar Privasi ini menjelaskan, antara lain:

- jenis data peribadi yang dikumpul serta kaedah pengumpulannya;
- tujuan dan cara data peribadi tersebut diproses;
- pihak ketiga yang diberikan akses atau pendedahan data peribadi anda;
- langkah keselamatan dan tempoh penyimpanan data peribadi anda; serta
- hak-hak anda berkaitan dengan data peribadi, termasuk hak untuk memohon akses dan pembedahan data peribadi anda,

serta memperuntukkan terma dan syarat berkenaan dengannya. Jika anda tidak bersetuju atau tidak berpuas hati dengan mana-mana peruntukan dalam Dasar Privasi ini, sila hentikan akses atau penggunaan laman web, aplikasi dan platform elektronik lain milik Fusang (secara kolektif dirujuk sebagai “Platform”) termasuk produk dan perkhidmatan kami dengan serta-merta. Dengan mengakses atau menggunakan Platform Fusang serta produk dan perkhidmatan berkaitan, anda bersetuju dengan terma dan syarat Dasar Privasi ini dan anda mengizinkan pengumpulan, penggunaan dan pendedahan data peribadi anda yang dikumpul melalui Platform, produk atau perkhidmatan Fusang mengikut kaedah yang dinyatakan dalam Dasar Privasi ini.

### 2. JENIS DATA PERIBADI YANG KAMI KUMPUL

Anda mungkin dikehendaki untuk membekalkan atau telah membekalkan serta akan terus membekalkan data peribadi anda kepada Fusang dari semasa ke semasa bagi tujuan operasi kami. Data peribadi merujuk kepada sebarang maklumat berkaitan individu yang boleh dikenal pasti daripada maklumat tersebut dan/atau maklumat lain yang dalam pegangan kami. Data peribadi yang dikumpul termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- butiran peribadi, seperti nama, tarikh lahir, kewarganegaraan, kad pengenalan/pasport, alamat kediaman, maklumat perhubungan, dan/atau butiran pendidikan;
- maklumat biometrik;
- butiran pekerjaan, seperti pekerjaan, jawatan pengarah dan jawatan lain yang dipegang, sejarah pekerjaan, gaji, dan/atau faedah pekerjaan;
- maklumat cukai;
- maklumat mengenai profil risiko anda, pelaburan, objektif pelaburan, pengetahuan dan pengalaman dan/atau kepentingan perniagaan serta aset;
- maklumat kewangan, seperti nombor akaun institusi kewangan, sejarah transaksi, sumber dana dan/atau sumber kekayaan;
- maklumat dompet aset digital;
- maklumat berkaitan aktiviti, corak penggunaan serta kecenderungan anda timbul daripada penggunaan produk dan perkhidmatan Fusang; dan
- maklumat peribadi yang diberikan oleh pemohon kerja dan yang diperolehi berkaitan dengan semakan latar belakang serta pengesahan rujukan ke atas pemohon kerja.

### 3. SUMBER DATA PERIBADI

Fusang mengumpul data peribadi anda, dari semasa ke semasa, sama ada secara langsung daripada anda atau melalui sumber-sumber lain, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- apabila anda memohon, melanggan atau mendaftar untuk mana-mana produk dan perkhidmatan Fusang;
- menerusi komunikasi anda dengan kami dan/atau ejen sah kami, sama ada melalui surat-menyurat bertulis, e-mel, panggilan telefon atau panggilan video;
- daripada domain awam, agensi pelaporan kredit, perantara, jabatan atau agensi kerajaan, pendaftar awam, media sosial dan penerbitan;
- daripada pihak ketiga atau sumber lain yang mana anda telah memberikan persetujuan anda untuk pendedahan data peribadi, atau sekiranya pendedahan sedemikian dibenarkan di bawah Akta; atau
- daripada maklumat yang dibekalkan dan/atau dikumpul apabila anda melayari Platform Fusang. Ini mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada alamat IP peranti mudah alih atau komputer anda, data geolokasi, pengecam peranti dan data tingkah laku dalam talian.

### 4. TUJUAN PENGGUNAAN DATA PERIBADI

#### A. Tujuan Perniagaan

Fusang menggunakan dan memproses data peribadi anda untuk tujuan perniagaan, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- memproses permohonan, langganan dan pendaftaran anda untuk produk dan perkhidmatan Fusang;
- menjalankan semakan Kenali-Pelanggan-Anda (*Know Your Customer*) bagi tujuan pematuhan dan pengurusan risiko pencegahan pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, saringan sekatan dan penipuan;
- mentadbir akaun anda dan menyediakan produk serta perkhidmatan Fusang;
- menguruskan infrastruktur, operasi perniagaan dan mematuhi dasar serta prosedur dalaman;
- mendaftarkan anda untuk acara, aktiviti dan bahan-bahan yang berkaitan dengan pelaburan;
- mereka bentuk, memasang dan menggunakan aplikasi perisian yang diperolehi daripada stor aplikasi yang berkaitan;
- memproses pertanyaan anda, serta mengambil tindakan lanjut atau tindakan susulan sebagaimana yang diperlukan;
- memasarkan dan mempromosikan produk atau perkhidmatan Fusang yang sedia ada dan pada masa hadapan;
- menyediakan perkhidmatan dalam talian yang tersedia di Platform Fusang, aplikasi dan/atau melalui saluran telekomunikasi lain;
- menggunakan maklumat yang dikumpul melalui Platform Fusang untuk menambah baik pengalaman anda semasa menggunakan perkhidmatan kami;
- mangumpul statistik umum berkaitan dengan bilangan pelawat dan penggunaan perkhidmatan Fusang;
- menjalankan penyelidikan, tinjauan dan/atau analisis untuk lebih memahami keperluan, keutamaan, minat, pengalaman dan/atau tabiat anda;
- menggunakan data peribadi anda bagi tujuan analitik;
- mereka bentuk perkhidmatan baharu dan/atau menambah baik perkhidmatan, produk dan aktiviti sedia ada yang berkaitan dengan produk atau perkhidmatan Fusang;
- menilai pemohon kerja untuk potensi pekerjaan, mengesahkan maklumat yang diberikan dalam permohonan kerja, dan berkomunikasi mengenai proses pengambilan pekerja; dan
- untuk tujuan lain yang berkaitan secara langsung dengan mana-mana perkara di atas.

## **B. Tujuan Pemasaran Langsung**

Fusang menggunakan data peribadi anda untuk memberikan cadangan mengenai produk, perkhidmatan, bahan pemasaran atau promosi yang lain. Komunikasi pemasaran ini disampaikan melalui pelbagai saluran termasuk, tetapi tidak terhad kepada, e-mel, mel terus, perkhidmatan pesanan ringkas (SMS), panggilan telefon, faksimili dan perkhidmatan pesanan mudah alih yang lain.

Anda boleh memilih untuk berhenti menerima komunikasi pemasaran pada bila-bila masa dengan mengikuti arahan yang disediakan dalam komunikasi pemasaran tersebut. Untuk mengetahui lebih lanjut tentang cara mengubah penggunaan data peribadi anda bagi tujuan pemasaran, sila hubungi kami melalui alamat e-mel yang dinyatakan dalam Dasar Privasi ini.

## **5. PENDEDAHAN DATA PERIBADI**

Fusang menyimpan, memproses dan/atau mendedah data peribadi anda bagi tujuan yang dinyatakan dalam Dasar Privasi ini kepada pihak ketiga, termasuk kepada:

- mana-mana pihak bagi tujuan mematuhi perintah mahkamah, sepina atau proses undang-undang lain (sama ada di dalam atau di luar Malaysia);
- mana-mana pihak bagi tujuan mematuhi undang-undang dan peraturan yang terpakai, termasuk yang dikenakan ke atas ejen, broker dan penyedia perkhidmatan pihak ketiga;
- mana-mana sekutu Fusang (termasuk syarikat sekutu dan syarikat-syarikat berkaitan);
- mana-mana pihak untuk mematuhi permintaan oleh pihak berkuasa kerajaan, agensi penguatkuasaan undang-undang atau badan yang serupa (sama ada di dalam atau di luar Malaysia);
- bakal pembeli yang kepadanya Fusang atau mana-mana bahagian daripada Fusang akan dijual, diserahkan atau dipindahkan, jika berkenaan;
- mana-mana ejen, kontraktor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga lain yang menyediakan perkhidmatan pentadbiran, sumber manusia dan pekerjaan, penyertaan (*onboarding*), perundangan, kewangan, pengurusan, operasi, pengawasan pasaran, telekomunikasi, komputer, pembayaran, pemungutan hutang, pemprosesan data, penyimpanan data, analisis data atau perkhidmatan lain;
- mana-mana pihak untuk menguatkuasakan mana-mana perjanjian dengan anda, atau untuk melindungi hak, harta atau keselamatan kami, atau hak, harta atau keselamatan pekerja kami; atau
- pihak ketiga seperti yang dimaklumkan pada, dan mengikut notis privasi tambahan seperti yang diperuntukkan pada masa pengumpulan data tersebut.

## **6. PENGGUNAAN KUKI (Cookies)**

Sila rujuk Dasar Kuki (*Cookies Policy*) di <https://fusang.co/legal> untuk maklumat lanjut.

## **7. KESELAMATAN DATA PERIBADI**

Segala data peribadi yang dibekalkan kepada Fusang akan disimpan dengan sulit dan selamat, dengan akses yang dihadkan secara eksklusif kepada kakitangan yang diberi kuasa sahaja. Kami melaksanakan prosedur dan teknologi keselamatan yang sewajarnya untuk mencegah akses tanpa kebenaran, penyalahgunaan atau pendedahan tidak sah terhadap data peribadi untuk menjamin pemindahannya dilaksanakan secara selamat.

Seciranya Fusang melantik pemproses data luaran untuk bertindak bagi pihak kami, obligasi kontraktual atau langkah munasabah yang sewajarnya akan diambil untuk memastikan bahawa sebarang data peribadi yang dipindahkan dilindungi secukupnya daripada akses tanpa kebenaran, penyalahgunaan atau pendedahan menyalahi undang-undang.

## **8. PENYIMPANAN DATA PERIBADI**

Data peribadi anda akan disimpan hanya bagi tempoh yang diperlukan bagi memenuhi pengumpulannya. Maklumat tersebut tidak akan disimpan lebih lama daripada yang sepatutnya, melainkan tempoh penyimpanan yang lebih lama diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang, serta kaedah dan peraturan yang terpakai. Kami akan mengambil semua langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa semua data peribadi dimusnahkan atau dipadamkan secara kekal apabila tidak lagi diperlukan untuk tujuan pemrosesan.

Data peribadi pemohon kerja yang tidak berjaya mungkin disimpan oleh Fusang untuk tempoh yang munasabah, selaras dengan undang-undang yang terpakai, bagi pertimbangan peluang pekerjaan pada masa hadapan, melainkan pemohon meminta supaya maklumat mereka tidak disimpan.

## **9. INTEGRITI DATA**

Fusang akan mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa data peribadi anda adalah tepat dan terkini. Sekiranya kami menyedari bahawa mana-mana data peribadi adalah tidak tepat, tidak lengkap atau mengelirukan, kami akan mengambil tindakan yang munasabah untuk mengelakkan penggunaan data tersebut serta memaklumkan kepada mana-mana pihak ketiga yang telah menerima pendedahan data peribadi tersebut.

## **10. PEMINDAHAN DATA PERIBADI ANTARABANGSA**

Bagi tujuan yang dinyatakan dalam Dasar Privasi ini, Fusang dan penyedia perkhidmatan pihak ketiganya dibenarkan memindahkan, menyimpan serta memproses data peribadi anda di luar Malaysia. Pemindahan ini sentiasa tertakluk kepada pematuhan undang-undang perlindungan data peribadi yang terpakai, termasuk peruntukan di bawah Akta-akta tersebut.

## **11. AKSES DAN PEMBETULAN DATA PERIBADI**

Tertakluk kepada peruntukan yang dibenarkan oleh Akta-akta tersebut, anda berhak:

- memohon akses dan mendapatkan salinan data peribadi anda yang sedang diproses oleh Fusang;
- memohon penghantaran data peribadi anda dalam format yang boleh dibaca oleh mesin, dengan syarat permohonan tersebut dapat dilaksanakan dari segi teknikal oleh pihak kami dan format tersebut adalah serasi; atau
- memohon supaya sebarang data peribadi yang diberikan oleh anda dibetulkan jika data tersebut tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan, atau tidak terkini.

Sebarang permohonan untuk akses atau pembetulan data peribadi yang dipegang oleh pihak kami hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar kepada Pegawai Perlindungan Data kami melalui e-mel di [dpo@fusang.co](mailto:dpo@fusang.co). Tertakluk kepada kadar bayaran yang ditetapkan dan setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, kami akan berusaha untuk memproses permohonan anda dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh penerimaan.

## **12. PERSETUJUAN**

Dengan membekalkan data peribadi anda kepada Fusang, anda bersetuju serta mengizinkan pengumpulan, penggunaan, dan pemrosesan data peribadi anda oleh kami mengikut peruntukan dalam Dasar Privasi ini.

Sekiranya anda adalah sebuah perbadanan yang memberikan data peribadi pihak ketiga, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengarah, pemegang saham, pekerja, penandatanganan berkuasa, ejen atau wakil, anda menyatakan dan menjamin bahawa anda telah memperoleh segala persetujuan yang diperlukan daripada pihak ketiga tersebut serta mereka telah dimaklumkan mengenai tujuan pendedahan data peribadi mereka.

### **13. PENARIKAN BALIK PERSETUJUAN**

Anda mempunyai hak untuk menarik balik persetujuan anda terhadap pemprosesan data peribadi anda pada bila-bila masa dengan menghantar notis bertulis kepada Pegawai Perlindungan Data kami melalui e-mel yang dinyatakan dalam Dasar Privasi ini. Notis bertulis tersebut mesti mengandungi nama, maklumat hubungan, dan penjelasan terperinci mengenai permintaan anda.

Setelah menerima notis bertulis tersebut, pihak kami akan hentikan pemprosesan data peribadi anda melainkan pemprosesan seterusnya adalah perlu untuk melindungi kepentingan anda atau orang lain. Kami akan mengesahkan penerimaan notis tersebut dan memaklumkan kepada anda tentang sebarang implikasi yang timbul. Sila ambil perhatian bahawa penarikan balik persetujuan anda mungkin mengakibatkan produk dan perkhidmatan tertentu tidak lagi tersedia untuk anda.

### **14. AKIBAT PENGHADAN DATA ATAU PENARIKAN BALIK KEIZINAN**

Pembekalan data peribadi anda adalah mandatori bagi tujuan pemprosesan permintaan anda atau penyediaan produk atau perkhidmatan. Data peribadi tersebut juga merangkumi maklumat peribadi individu yang dilantik atau diberi kuasa untuk bertindak bagi pihak anda.

Sekiranya data peribadi yang dibekalkan tidak lengkap, kurang memuaskan, atau anda mengehadkan pemprosesan serta menarik balik persetujuan terhadapnya, kami mungkin tidak dapat menyediakan maklumat, produk atau perkhidmatan yang diminta. Selain itu, kami juga mungkin tidak dapat memproses sebarang permintaan, langganan, atau pendaftaran anda. Bagi calon pekerja, maklumat yang tidak mencukupi akan menghalang Fusang daripada mempertimbangkan atau memproses permohonan kerja anda.

### **15. PERTANYAAN ATAU ADUAN**

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, permintaan atau aduan berhubung dengan data peribadi anda, sila hubungi Pegawai Perlindungan Data kami di [dpo@fusang.co](mailto:dpo@fusang.co).

### **16. PINDAAN KEPADA DASAR PRIVASI INI**

Dasar Privasi ini akan dikemas kini dari semasa ke semasa selaras dengan perubahan dalam amalan pengendalian data peribadi anda, atau untuk mematuhi undang-undang dan peraturan. Versi terkini akan dipaparkan di Platform kami. Segala komunikasi, transaksi serta urusan dengan kami adalah tertakluk kepada versi yang berkuat kuasa pada waktu berkenaan.

Tarikh Kuat Kuasa: 6 April 2026